

## KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 17/03/2020

Mesyuarat Khas Menteri Besar dan Ketua Menteri



### MESYUARAT KHAS MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI

---

Merujuk kepada Mesyuarat Khas Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 17 Mac 2020, YAB Perdana Menteri telah mengarahkan agar semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dijemput hadir tanpa ada sebarang pengecualian.

Sehubungan itu, saya bagi pihak urusetia mesyuarat ingin memohon maaf atas kekhilafan yang timbul berkaitan dengan jemputan yang hanya dikeluarkan kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri Kerajaan Negeri dari Parti Komponen Kerajaan Persekutuan. Bagi Negeri Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah, hanya Pengarah Pembangunan Negeri yang dijemput hadir.

Sekali lagi ditegaskan, bahawa YAB Perdana Menteri memandang serius tentang perkara ini dan menyatakan pendirian jelas beliau untuk bekerjasama dengan semua Kerajaan Negeri tanpa mengambil kira apa jua latar belakang parti politik khususnya berkaitan perkara yang menjadi kepentingan utama negara seperti wabak Coronavirus (COVID-19).

Dimaklumkan YAB Perdana Menteri telah mengeluarkan arahan supaya semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dijemput hadir mesyuarat khas bagi menangani penularan COVID-19 pada masa akan datang.

**MOHD ZUKI BIN ALI**  
Ketua Setiausaha Negara

17 Mac 2020

**Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/12>